



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
K E P I M P I N A N  
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18/12/2018

# Permohonan sertai BERSATU dipertimbang, kaji dahulu

BH-18/12/2018  
m/s: 2

Keahlian diterima jika didapati  
sesuai, ditolak kalau tidak: Dr M

**Mohd Husni Mohd Noor**  
cnews@nstp.com.my

► Cyberjaya

Tun Dr Mahathir Mohamad menjelaskan semua permohonan untuk menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) akan dipertimbang dan dikaji terlebih dahulu sebelum diterima.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BERSATU berkata, tidak semua permohonan akan diterima.

"Kita akan timbang, kalau sesuai kita boleh terima, kalau tak sesuai kita tidak boleh terima.

"Kita tidak boleh terima semua orang. Kita kena kaji dulu," katanya ketika ditemui pada sesi dialog Perdana Menteri bersama 50 pemain industri anjuran Kumpulan Indus-

tri Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi (MIGHT) di sini, semalam.

Mengulas mengenai permohonan bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Thamby Chik yang ingin menyertai BERSATU, Dr Mahathir berkata, pihaknya juga akan mengkaji permohonan itu.

#### Rahim bebas keluar UMNO

"Dia (Rahim) bebas selepas keluar UMNO sebelum ini. Kalau dia sesuai kita terima," katanya.

Kelmarin, Rahim menyerahkan borang keahlian menyertai PPBM kepada Pengerusi Perhubungan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Melaka, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof.

Dr Mahathir turut menegaskan, BERSATU tidak akan melebarkan sayapnya ke Sabah.

"Tidak, kami tidak akan membuka sebarang (cawangan BERSA-



Dr Mahathir melihat pameran ketika hadir pada sesi dialog Perdana Menteri bersama 50 pemain industri anjuran Kumpulan Industri Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi di Cyberjaya, semalam.

TU) di Sabah tetapi orang Sabah boleh menyertai parti ini," katanya ditanya mengenai kemungkinan BERSATU meluaskan sayapnya ke Sabah.

Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebelum ini dilaporkan, berkata terdapat permintaan untuk parti itu melebarkan sayap ke Sabah susulan tindakan 14 wakil rakyat dan pemimpin kanan UMNO negeri itu bertindak keluar parti.

#### Tuduhan tak bermakna salah

Mengenai kedudukan Setiausaha Politikanya, Muhammad Zahid Md Arip yang dikaitkan dengan pertuduhan rasuah membabitkan bekas Pengerusi FELDA, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, Dr Mahathir berkata, tuduhan sahaja tidak bermakna beliau bersalah.

"Tuduhan bukan bermakna sa-

Kita akan timbang,  
kalau sesuai kita  
boleh terima, kalau  
tak sesuai kita tidak  
boleh terima. Kita  
tidak boleh terima  
semua orang. Kita  
kena kaji dulu"

**Dr Mahathir Mohamad,**  
Pengerusi BERSATU

lah. Tuduhan dibuat atas asas-asas yang didapati. Kita kena tunggu sehingga dia (Muhammad Zahid) dibicarakan.

"Kalau beliau dibicara dan kalau salah, kita akui dia salah. Tuduhan sahaja tidak bermakna dia salah," katanya.

Menurut laporan sebuah portal berita, Muhammad Zahid disebut dalam sembilan dari 10 pertuduhan yang dikenakan terhadap Mohd Isa kerana didakwa menerima sogokan RM3 juta dari pembelian sebuah hotel di Kuching.

Muhamad Zahid didakwa menjadi perantara antara seorang pengarah di syarikat Gagasan Abadi bernama Ikhwani Zaidel dan Mohd Isa.

Beliau sebelum ini ditahan SPRM pada Ogos 2017 berhubung urusan pembelian hotel itu dan sudah direman selama lapan hari.